



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK



e-buletin

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METRO Betong Sarawak

Edisi Ketiga

2024

e-Buletin Majlis Perwakilan Pelajar

Edisi Ketiga, 2024

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak
e ISSN: 2948-4669

Diterbitkan oleh:
Politeknik METrO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak

Isi Kandungan

PERUTUSAN YDP MPP

1

CARTA ORGANISASI MPP 2024

2

SIDANG REDAKSI

3

SOROTAN AKTIVITI

4

POSTER HEBAHAN AKTIVITI


5

KARYA PELAJAR

6



PERUTUSAN YDP MPP



Perutusan Yang Di Pertua MPP

Salam sejahtera dan salam hormat,

Dengan penuh rasa syukur dan bangga, saya mewakili Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (MPP PMBS) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan semua pihak dalam menjayakan penerbitan edisi e-Buletin ini.

e-Buletin ini merupakan medium komunikasi yang penting bagi menyalurkan maklumat terkini, mengetengahkan aktiviti pelajar serta meraikan pencapaian warga kampus kita. Ia juga menjadi ruang untuk pelajar PMBS berkongsi idea, pandangan dan bakat dalam pelbagai bentuk penulisan dan karya kreatif.

Sebagai editor, saya amat menghargai komitmen yang telah diberikan oleh semua pihak – khususnya ahli jawatankuasa MPP, para penyumbang artikel, serta pasukan reka bentuk dan editorial. Kerjasama anda semua mencerminkan semangat perpaduan, kepimpinan dan kecintaan terhadap institusi ini.


Saya berharap e-Buletin ini bukan sekadar menjadi sumber informasi, tetapi turut berperanan menyemarakkan semangat mahasiswa untuk terus aktif, berinovasi dan menyumbang secara positif kepada komuniti PMBS. Segala cadangan dan maklum balas daripada pembaca amat dialu-alukan demi memperkukuh kualiti penerbitan kita pada masa akan datang. Selamat membaca, dan terima kasih atas sokongan berterusan anda!

ELLYVIA WINNY ANAK ANGKENG
Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar PMBS 2024
winnyellyvia@gmail.com





CARTA ORGANISASI



Carta di bawah merupakan Carta Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak bagi Tahun 2024.




MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2024
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

 AGNES ANGIT ANYAN PENOLONG SETIAUSAHA	 CHIN CHIA YEE SETIAUSAHA	 ELLYVIA WINNY ANAK ANGKENG YANG DI-PERTUA	 ANDERSON AMBING ANAK MINGGU NAIB YANG DI-PERTUA 1	 ALEXSON LERRY ANAK JOHNNY BENDAHARI KEHORMAT	
 FIONA MENON ANAK JOHNNY EXCO KESUKARELAWANAN	 JHON FRANCIS NARSISIUS EXCO PERHUBUNGAN & KOLABORASI	 ADELYN DELIMA ANAK DONNEY EXCO KEBAJIKAN & SOSIAL	 NOR KHAIRUNNISA BINTI JAMALI EXCO AKADEMIK & LATIHAN	 MUHAMMAD IZZUDDIN BIN ABDULLAH SEPAWI EXCO SUKAN & REKREASI	 STEPHANIE BUSAK YAHYA EXCO KERohanian & MORAL
 ADELA MANYI MITTCHLAN CARLS EXCO KEDIAMAN PELAJAR	 MARSHA ANAK JUBANG EXCO KEBUDAYAAN & WARISAN	 REACHEL BENYA ANAK BARRY EXCO KEUSAHAWANAN & KERJAYA	 GEOGIANA JANE ANAK PHILIP EXCO KOMUNIKASI KORPORAT	 SITI KELEMING ANAK KALOM EXCO MULTIMEDIA & PENERBITAN	



SIDANG **REDAKSI**



Sidang Ridaksi



Emilyn anak Nojen
Editor



Afifah binti Bolhassan
Grafik dan Seni Reka



Abdul Fattah bin Hamden
Editor



Evelyn anak Frankling Tegik
Terbitan dan Edaran

Salam sejahtera dan salam hormat,


Sidang Redaksi e-Buletin Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan buletin ini.

e-Buletin ini diterbitkan dengan hasrat untuk menjadi platform perkongsian maklumat, mencatat perjalanan aktiviti pelajar, serta menyemarakkan semangat kepimpinan dan keterlibatan mahasiswa dalam pelbagai aspek kehidupan kampus. Di samping itu, ia turut memberi ruang kepada para pelajar untuk menonjolkan bakat penulisan, kreativiti dan pandangan bernas yang membina.

Kami amat menghargai sumbangan idea, artikel, gambar dan kreativiti yang telah dikongsi oleh semua penyumbang. Tanpa komitmen anda semua, buletin ini tidak akan dapat direalisasikan. Terima kasih atas kepercayaan dan semangat kerjasama yang telah dizahirkan.



SOROTAN AKTIVITI



KEMPEN PILIHAN RAYA KAMPUS (PRK) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK 2024

Pada hari Isnin, 19 Febuari berlangsungnya taklimat Pilihan Raya Kampus daripada Penasihat MPP PMBS kepada pelajar PMBS dan para calon juga diberi peluang utk berkempen di depan semua Pelajar. Pilihan Raya Kampus 2024 Politeknik METrO Betong Sarawak pada 21 Februari 2024.

Pilihan Raya Kampus
Politeknik METrO Betong Sarawak 2024

Tarikh : 21 Februari 2024

Tempat : Politeknik METrO Betong Sarawak

Ayuh turun mengundi!!
Tunaikan tanggungjawab kita bersama!!

<https://www.pmbs.edu.my/V3/> | [politeknikmetrobetongsarawak](#) | [Politeknik METrO Betong Sarawak](#) | [PolyMETrO Betong Sarawak](#) | [politeknikmetrobetong](#) | 083-472676 | 083-472991

CALON KERUSI UMUM MPP TAHUN 2024

UMUM-01 UMUM-02 UMUM-03 UMUM-04

UMUM-05 UMUM-06 UMUM-07 UMUM-08

SENARAI NAMA CALON MPP TAHUN 2024

UMUM-01 : ELLYVIA WINNY ANAK ANGKENG
UMUM-02 : MUHAMMAD NURFIYAZNAIM BIN LEE
UMUM-03 : ALEXSON LERRY ANAK JOHINNY
UMUM-04 : ANDERSON AMBING ANAK MINGGU
UMUM-05 : NUR ATIRAH BINTI MAHADIR
UMUM-06 : CHIN CHIA YEE
UMUM-07 : AGNES ANGIT ANYAN
UMUM-08 : PUTERI EZZATY ARIFFAH BINTI HALISA

[POLYCC](#) | <https://www.pmbs.edu.my/V3/> | [politeknikmetrobetongsarawak](#) | [Politeknik METrO Betong Sarawak](#) | [PolyMETrO Betong Sarawak](#) | [politeknikmetrobetong](#) | 083-472676 | 083-472991





CALON KERUSI JABATAN MPP TAHUN 2024


JABATAN-01


JABATAN-02


JABATAN-03


JABATAN-04


JABATAN-05


JABATAN-06


JABATAN-07


JABATAN-08


JABATAN-09


JABATAN-10


JABATAN-11


JABATAN-12


JABATAN-13


<https://www.pptk.edu.my/v3/>
<https://www.facebook.com/pptk.edu.my>
<https://www.instagram.com/pptk.edu.my>
<https://www.youtube.com/pptk.edu.my>

SENARAI NAMA CALON MPP TAHUN 2024

JABATAN-01 : FIDNA MENON ANAK JOHNNY
 JABATAN-02 : GEOGIANA JANE ANAK PHILIP
 JABATAN-03 : REACHEL BENYA ANAK BARRY
 JABATAN-04 : ADELA MANYI MITTCHLAN CARLS
 JABATAN-05 : NOR KHAIRUNNISA BINTI JAMALI
 JABATAN-06 : JHON FRANCIS HARSISIUS
 JABATAN-07 : MARSHA ANAK JUBANG
 JABATAN-08 : STEPHANIE BUSAK YAHYA
 JABATAN-09 : ALMA DELFINA ANAK LAGAN
 JABATAN-10 : MUHAMMAD IZZUDDIN BEN ABDULLAH SIPAM
 JABATAN-11 : ADELYN DELIMA ANAK DOWNEY
 JABATAN-12 : SITI KELEMING ANAK KALOM
 JABATAN-13 : MARYLIN ANAK KASSIM





HARI PENGUNDIAN PILIHAN RAYA KAMPUS (PRK) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK 2024



KEM KEPIMPINAN MPP PMBS & PMU 2024 | 26 Feb - 1 Mac 2024

Sejumlah 34 orang pelajar Majlis Perwakilan Pelajar PMBS & Majlis Perwakilan Pelajar PMU telah menghadiri Kem Kepimpinan MPP bertempat di Kem Alapong, Lundu, dengan penuh semangat. Selama 5 hari dan 4 malam para peserta mengharungi pelbagai aktiviti dan cabaran dalam modul kepimpinan yang dilaksanakan oleh para jurulatih di kem tersebut. Objektif kem ini adalah untuk melahirkan individu yang holistik dan berupaya untuk memimpin di samping berpandangan jauh, kritis, dan mempunyai semangat setia kawan. Ini merupakan pengalaman baru bagi kedua-dua institusi dimana kem ini buat julung kali diadakan bersama dan cabaran besar dihadapi oleh semua pihak bagi memastikan semuanya berjalan seperti yang dirancang. Segala suka duka, ketawa dan tangisan, tidak mampu diungkapkan, hanya kenangan dan ilmu yang telah diperolehi akan diingati serta digunakan oleh barisan MPP Tahun 2024 ini dalam apa jua cabaran yang mungkin mendatang.





Program "Polytechnic and Community College Student Leaders' Management Training" 2024,

PolyCC-SMART 2024 bertempat di Kompleks Rakan Muda Larut Matang, Kamunting, Taiping, Perak dari 6-9 Mac 2024 yang lalu. PMBS diwakili oleh saudari Ellyvia Winny anak Angkeng selaku Yang Di-Pertua MPP PMBS dan diiringi oleh En. Gregory Evan Nanson, selaku salah seorang Sekretariat MPPP & JPPKK Kebangsaan





Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar PMBS pada 18 Mac 2024 telah berlangsung dengan sederhana namun penuh berwarna-warni bersama barisan pihak pengurusan tertinggi PMBS. Ini merupakan titik permulaan dalam memacu keberanian serta sikap kepimpinan mereka untuk menghadapi cabaran dan tugas yang bakal datang adalah satu inspirasi untuk semua pelajar PMBS. Bacaan Ikrar Penerimaan Pelantikan telah diketuai oleh saudari Ellyvia Winny anak Angkeng selaku Yang di-Pertua MPP PMBS, dilakukan dengan penuh semangat menandakan kesediaan dan janji barisan MPP yang baru untuk menggalas tugas dan tanggungjawab mereka. Semoga MPP PMBS terus maju!





Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 8 Koperasi Politeknik METrO Betong Sarawak Berhad

Pada 26 Mac 2024 tepat pukul 9.30 pagi hingga 11 pagi telah berlangsung satu program iaitu Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 8 Koperasi Politeknik Metro Betong Sarawak Berhad seperti yang dirancang oleh Ahli Lembaga Koperasi telah berjalan dengan lancar.

Mesyuarat ini telah diuruskan oleh Encik Budi bin Syaripuddin selaku Pengerusi Koperasi.

Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah iaitu Encik Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini sekali gus merasmikan mesyuarat agung tersebut.

Mesyuarat ini juga turut dihadiri oleh semua pemegang saham koperasi iaitu pelajar dan juga staff PMBS. Cabutan tiket bertuah juga turut diadakan.

Secara lazimnya, mesyuarat agung tahunan koperasi ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli koperasi dari segi belanjawan tahunan, dapatan keuntungan dan juga aktiviti koperasi yang telah dirancang pada setiap tahun.

Semoga mesyuarat agung ini dapat membawa harapan baru untuk pertumbuhan serta kejayaan koperasi PMBS.



**Program Istimewa di Bulan Ramadhan :Program Memasak Bubur Lambuk
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK**

Sebentar tadi telah berlangsungnya Program Memasak Bubur Lambuk di Politeknik METrO Betong Sarawak. Program ini telah disertai oleh para pelajar dari DUP Semester 4 dan Semester 2.

Bubur lambuk yang dimasak telah diagihkan kepada para pelajar dan semua warga kerja PMBS untuk dibawa pulang sebagai juadah berbuka puasa.

Semoga program ini dapat menyemai semangat perkongsian serta mengeratkan ukhwah di dalam kalangan warga PMBS.





MAJLIS AMANAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN) JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Semalam telah berlangsungnya Majlis Amanat Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bertempat di Sri METrO Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Sebelum itu rombongan telah membuat lawatan ke tapak asal kampus Politeknik METrO Betong Sarawak serta tapak cadangan bagi perancangan Kamsis Pelajar baharu PMBS, dan seterusnya menghadiri mesyuarat bagi membincangkan hala tuju baharu PMBS.

Majlis yang penuh bermakna itu turut dihadiri Yang Berusaha Encik Azman Bin Arshad, Pengarah Bahagian Perancangan dan Institusi diiringi oleh Yang Berusaha Ts. Dr Anuar Bin Hasan, Ketua Unit ICT (JPPKK).



SEMARAK HARI BELIA NEGARA 2024 PERINGKAT DAERAH BETONG.

Sebentar tadi telah berlangsungnya sambutan Hari Belia Negara 2024 peringkat daerah Betong bertempat di Sri METrO Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak. Bertemakan "YAKIN BOLEH" sambutan ini telah dihadiri oleh Cik Jojo Tehan, wakil Jabatan Belia Dan Sukan Bahagian Betong serta warga PMBS dan Kolej Komuniti Betong.

Sambutan Hari Belia Negara 2024 peringkat Bahagian Betong pada hari ini turut diserikan lagi dengan sesi temu bual bersama Puan Siti Khairiah, Pengasas Kayrabakes Betong, dengan para hadirin.

Semoga semangat dan kejayaan yang dirasai dalam Hari Belia Negara 2024 di Betong dapat menggerakkan belia untuk terus maju dan berusaha dalam bidang yang diceburi.
"BELIA NEGARA,YAKIN BOLEH!!!"





KARNIVAL KERJAYA MYPOLYCC BAHAGIAN BETONG 2024

16 Mei 2024, Karnival Kerjaya MYPOLYCC 2024 Bahagian Betong merupakan inisiatif Unit CISEC PMBS dan telah dilangsungkan di Sri METrO Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.

Program ini memberi peluang kepada para pelajar dan graduan untuk mendapatkan maklumat tentang peluang pekerjaan dan latihan, serta berinteraksi dengan syarikat-syarikat yang berkaitan mengenai prospek kerjaya pada masa akan datang.

Unit CISEC PMBS juga telah menjemput dua Alumni PMBS yang telah berjaya dalam industri iaitu Encik Khairul Sapiee dan Encik Billy bagi berkongsi pengalaman mereka dalam industri di samping memberi motivasi kepada para pelajar PMBS agar sentiasa berusaha untuk memperoleh kejayaan dalam kehidupan mereka.

Semoga program ini memberi manfaat kepada semua yang terlibat.





MAJLIS APRESIASI SEMESTER 5 SESI II: 2023/2024.

20 Mei 2024, telah berlangsungnya Majlis Apresiasi Semester 5, Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan Sesi II: 2023/2024 di Sri METrO Gemilang PMBS.

Bertemakan "Orang Kampung", majlis ini bertujuan meraikan para pelajar Semester 5 yang akan tamat sesi pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak dan akan mengharungi Latihan Industri pada semester akan datang.

Pada majlis yang penuh ceria dan warna warni semalam juga, beberapa anugerah telah disampaikan kepada beberapa orang pelajar yang terpilih bagi menghargai dedikasi dan usaha mereka sepanjang berada di PMBS. Antara anugerah yang disampaikan adalah Anugerah Kecemerlangan Ko-Kurikulum, Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Peribadi Unggul, Anugerah Kepimpinan Cemerlang dan Anugerah Siswa Cemerlang. Penyampaian telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Politeknik METrO Betong, Sarawak, En. Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini.

Barisan MPP Politeknik METrO Betong Sarawak mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah semalam, semoga anugerah ini menjadi pemangkin semangat mereka kelak, serta ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar Semester 5 Sesi II: 2023/2024 yang akan menjalani latihan industri mereka.






***PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN TAKLIMAT PENGARAH PMBS
BERSAMA IBU BAPA***

29 Julai 2024, Pagi tadi telah berlangsung dengan jayanya sesi pendaftaran pelajar baharu bagi jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan di Politeknik METrO Betong Sarawak bagi Sesi 1 2024/2025.

Usai pendaftaran, Yang Berusaha Puan Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak, Ts. Shirley Anak Phillip, memberikan taklimat mengenai institusi ini. Sesi tersebut diikuti dengan sesi soal jawab di antara ibu bapa pelajar dan Pengarah.

Kami mengalu-alukan kedatangan semua pelajar baharu ke Politeknik METrO Betong Sarawak. Semoga anda semua cepat menyesuaikan diri, menimba ilmu, dan kelak menyumbang kepada industri TVET negara.





Minggu Transformasi Siswa Sesi I 2024/2025

Program Minggu Transformasi Siswa telah bermula pada 29 Julai 2014 sehingga 1 Ogos 2024. Antara objektif Minggu Transformasi Siswa ialah mengenali persekitaran, peraturan, dan kemudahan yang disediakan selain membina ikatan yang kuat dalam kalangan pelajar baru serta memperkenalkan kurikulum dan sumber akademik.

Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh para pelajar adalah menghadiri ceramah pengenalan kepada PMBS manakala sebelah petangnya pula para pelajar melakukan aktiviti riadah petang bagi membina ikatan yang kuat antara pelajar baru. Bagi aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) pula, para pelajar menyediakan amanah kumpulan, melukis bendera kumpulan, nyanyian lagu politeknik. Selain itu pelajar juga melakukan aktiviti melengkapkan teka teki dan drama spontan.





PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI I 2024/2025

Majlis Penutupan hari ini telahpun dirasmikan oleh Pengarah PMBS, Yang Berusaha Ts. Shirley anak Phillip dan dihadiri oleh ahli pengurusan tertinggi bersama-sama dengan para pensyarah PMBS.

Semoga dengan ilmu yang dibekalkan sepanjang MTS, para pelajar baharu akan dapat menjalani pembelajaran dengan lebih semangat dan dapat menimba ilmu sepanjang bergelar pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.

Ikhlas daripada,


MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK



15/08/2024 - 16/08/2024

Pelajar Sem 1 beserta 10 orang pelajar senior telah pun menyertai Program Ummah Afiyah: Ke Arah Kesejahteraan Ummah Tahun 2024 yang bertemakan "Love Yourself" yang telah dianjurkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Sarawak.

Program ini berlangsung selama dua hari dengan jayanya. Diharapkan segala tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang program ini berlangsung mampu tersemat di dalam minda dan dipraktikkan oleh pelajar sekalian.



PMBS CHAMPION 2024 - 27/9/2024

PMBS Champion telah berjaya dianjurkan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar dan Rakan Majlis Perwakilan Pelajar (RMPP). Kesungguhan serta semangat pelajar dalam menyertai sukaneka ini amat dihargai.

Tahniah diucapkan kepada para pemenang atas kemenangan yang diraih. Semoga ikatan silaturahim yang terjalin antara pelajar PMBS kekal utuh dan terus diperat.





Galau Night PMBS 2024

Saat malam di kampus berubah menjadi ajang berbagi cerita, *Galau Night* hadir menyatukan hati-hati yang sedang lelah dan penuh tanda tanya. Di tengah tawa dan diskusi, kita semua merasa ditemani—menyadari bahwa galau adalah bagian dari perjalanan. Bersama teman-teman di bawah langit malam, kita mencari cara untuk mengatasi kegelisahan dan menemukan harapan baru. Percayalah, kita tidak sendiri.

Terima kasih diucapkan kepada para pelajar yang sudi hadir ke "First Ever PMBS Galau Night" yang dilaksanakan pada malam 5/10/2024. Percayalah setiap apa yang terjadi pasti ada hikmahnya, walau apa pun rintangan, hidup perlu diteruskan kerana kejayaan tak datang dengan sendiri ianya datang dengan usaha.



Hari Riadah PMBS 2024

12, Oktober. Terima kasih kepada semua yang telah memeriahkan Hari Riadah PMBS!

Acara ini berlangsung dengan penuh dengan semangat, kegembiraan, dan ikatan persahabatan yang erat! Daripada pertandingan yang sengit sehingga saat-saat santai, kita semua telah mencipta kenangan yang tidak akan dapat dilupakan.

Semoga semangat ini terus mengalir dalam kehidupan seharian kita! Jumpa lagi di acara seterusnya!





NO BAGS DAY PMBS 2024

NO BAGS DAY telah berjaya dilaksanakan pada 31 Oktober di Politeknik METRo Betong Sarawak! Para pensyarah dan pelajar dengan kreatifnya membawa pelbagai barang selain beg, sling bag, plastik, dan tote bag. Terima kasih kepada semua yang telah menjayakan hari ini dengan penuh inovasi dan keseronokan!



Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Sempena Program Reruai Madani PMBS Gemilang

Pagi tadi telah berlansungnya pertandingan mewarna kanak-kanak anjuran Politeknik METrO Betong Sarawak sempena dengan Program Reruai Madani PMBS Gemilang yang bermula pada hari ini.

Pertandingan mewarna kanak-kanak ini telah disertai seramai 30 orang pelajar dari Tadika KEMAS, Tadika Sedidik, dan Pusat Asuhan Tunas Islam.

Acara yang berlangsung lebih kurang 2 jam itu berjalan dengan lancar dan tidak kurang meriahnya dengan gelagat anak-anak mewarna mengikut kreativiti mereka masing-masing.

Sejurus selepas itu majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak, Ts. Shirley Anak Philip bagi menyerahkan hadiah kepada para pemenang.

Semoga aktiviti sebegini diteruskan pada masa yang akan datang bagi mengasah lebih ramai bakat kanak-kanak dalam seni mewarna serta mendekatkan PMBS kepada komuniti setempat.



Bengkel Persediaan Menghadapi Ujian MUET .18/11/24

Pada hari ini, bengkel persediaan MUET (Malaysia University English Test) yang telah berlangsung dengan jayanya di Bilik Kuliah 5, Politeknik METrO Betong Sarawak. Bengkel MUET ini telah disertai seramai 23 orang pelajar PMBS dari Program DUP dan juga Program DKB. Terima kasih kepada semua peserta yang hadir, yang telah memberikan komitmen tinggi dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi MUET. Bengkel MUET ini telah dihadiri oleh penceramah yang berpengalaman dalam ujian MUET, iaitu Puan Nur Aainaa Chieng Abdullah, guru MUET dari Kolej Tingkatan 6 Saratok. Sepanjang sesi bengkel, para pelajar telah dikongsi pelbagai tips dan strategi yang berguna, dari cara mengurus masa semasa ujian hingga teknik menjawab soalan dengan lebih tepat dan efektif. Para pelajar juga menjalankan latihan intensif bagi membantu peserta memahami format soalan dan memperbaiki kemahiran Bahasa Inggeris mereka dalam menghadapi ujian MUET kelak.



MAJLIS APRESIASI SEMESTER 5 SESI I 2024/2025

Semalam telah berlangsungnya Majlis Apresiasi Semester 5, Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan Sesi I 2024/2025 bertempat di Sri METrO Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak.


Dengan tema “Black & White”, majlis ini bertujuan untuk menghargai serta meraikan pelajar Semester 5 yang bakal menamatkan sesi pembelajaran mereka di PMBS sebelum memulakan Latihan Industri pada semester hadapan.

Majlis yang penuh dengan kegembiraan dan keceriaan ini turut menyaksikan penyampaian beberapa anugerah penghargaan seperti Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Kecemerlangan Ko-Kurikulum, Anugerah Peribadi Unggul, Anugerah Kepimpinan Cemerlang, dan Anugerah Siswa Cemerlang. Penyampaian anugerah ini telah disempurnakan oleh Pengarah PMBS, Ts. Shirley Anak Phillip.





POSTER HEBAHAN **AKTIVITI MPP**





PERTANDINGAN VIDEO PENDEK GAWAI RAYA

SCAN UNTUK MENDAFTAR

9 - 30 APRIL

MARI SERTAI BERSAMA
SERLAHKAN BAKAT ANDA
"Empowering Voices, Shaping Futures!"

TERMA DAN SYARAT

- 1) Video boleh dilakukan secara individu atau kumpulan.
- 2) Video hendaklah berdasarkan tema "GAWAI RAYA".
- 3) Kreatifiti dalam pakaian hendaklah sopan dan bertemakan "GAWAI RAYA".
- 4) Video *Jedag Jedug* (JJ) tidak dibenarkan.
- 5) Durasi video tidak melebihi 1 minit.
- 6) Tidak isu-isu sensitif.
- 7) Keputusan juri adalah muktamad.
- 8) Tarikh penyertaan bermula dari 9 April - 30 April 2024.
- 9) Satu kelas sekurang-kurangnya terdiri 2 orang peserta.
- 10) Hasil video hendaklah dimuat naik dalam "Akun Tiktok" peserta. Letak di ruang caption TikTok anda, dengan tanda pagar: #MPPMB25 #VideoKelasPM25 #GawainyaPM25



PERTANDINGAN MEREKA BENTUK POSTER BERTEMAKAN GAWAI RAYA

BERMULA DARI 9 - 30 APRIL
dalam digital / secara online

TERMA DAN SYARAT

- 1) Poster hendaklah bertemakan "Gawai Raya".
- 2) Tidak isu-isu sensitif.
- 3) Karya hendaklah asli daripada pelajar sendiri.
- 4) Poster mengikut kreativiti peserta sendiri.
- 5) Penggunaan AI dalam pembuatan poster tidak dibenarkan.
- 6) Tiap terbitan akan dikira sebagai pemenang.
- 7) Setiap kelas hendaklah menghantar wakil sekurang-kurangnya 2 orang.

SCAN UNTUK MENDAFTAR

"Empowering Voices, Shaping Futures!"




SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 1445H/2024

MAAF ZAHIR & BATIN



SAKSI DARIPADA BAKTI PENYANTUN PELAJAR POLITEKNIK MPPMB BERTU BERTONG SEREMBAN

 mppmba_official
 officialmppmba
 MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MPP PMBS
 mppmba@gmail.com










KARYA PELAJAR



SINAR SYAWAL MENYAPA

DALAM TENANG MALAM TAKBIR BERGEMA,
HATI YANG RINDU MAKIN BERBUNGA,
RAMADAN PERGI DENGAN BERJUTA MAKNA,
SYAWAL MENJELMA, PENUH CAHAYA.

BAJU BAHARU INDAH BERSERI,
ANAK-ANAK RIANG MENARI-NARI,
DENDANG RAYA BERALUN HARMONI,
MENGIKAT KASIH, MENYULAM MEMORI.

KETUPAT, RENDANG HARUM MEWANGI,
DIHIDANG MESRA UNTUK YANG DIHORMATI,
SALAM DIHULUR PENUH RENDAH DIRI,
MAAF DIPINTA SEPENUH HATI.

SANAK SAUDARA DATANG BERTAMU,
MENGUBAT RINDU YANG LAMA TERPENDAM,
GELAK TAWA PECAH DI KALBU,
MENGHIASI PAGI YANG PENUH ILHAM.

SYAWAL INI BUKAN SEKADAR PERAYAAN,
TAPI LAMBANG KASIH DAN KEINSAFAN,
MENGUKIR KENANGAN DALAM INGATAN,
HARI RAYA, NIKMAT KURNIAAN TUHAN.

KARYA:
MUHAMMAD HASYIM BIN UMAR
DIPLOMA KEWANGAN



JEJAK ILMU DI BUMI PELANCONGAN

JEJAK ILMU DI BUMI PELANCONGAN
LANGKAH KAKI BUKAN SEKADAR KEMBARA,
BUKAN HANYA MENGEJAR INDAHNYA PANORAMA,
DI BALIK SENYUM DAN LAMBAIAN MESRA,
ADA ILMU YANG HIDUP DI SETIAP PERSINGGAHAN KITA.

PETA BUKAN HANYA ARAH PERJALANAN,
IA GAMBARAN BUDAYA DAN PERADABAN,
SETIAP LOKASI MENYIMPAN PENGETAHUAN,
WARISAN LAMA, SEJARAH JADI PEDOMAN.

GUNUNG, LAUT, DAN KOTA SIBUK,
ADALAH MAKMAL BAGI MATA YANG TERBUKA,
MENGUKUR ADAT, MENELITI SIKAP,
MENGANALISA NILAI SEBUAH BANGSA.

PELANCONGAN BUKAN HANYA HIBURAN,
TETAPI RUANG BELAJAR TANPA SEMPADAN,
BAHASA DIPELAJARI, ADAT DIHORMATI,
ILMU DISEMAI DALAM SETIAP MEMORI.

DAN AKHIRNYA...
BUMI INI BUKAN HANYA UNTUK DILIHAT,
TETAPI UNTUK DIFAHAMI DENGAN AKAL DAN NIAT,
KERANA JEJAK SEORANG PELANCONG SEJATI,
ADALAH JEJAK ILMU SEPANJANG HAYAT.



KARYA:

**MC BRIDE GARAI ANAK ANTHONY SINTAU
DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN**

WANG BUKAN SEGALANYA, ILMU ITU HARTA

WANG BISA MEMBELI SERIBU BENDA,
NAMUN TIDAK MAMPU MEMBELI SETIA,
WANG BISA MEMBINA ISTANA,
NAMUN KOSONG TANPA JIWA.

DI DUNIA KEWANGAN PENUH KIRA-KIRA,
ANGKA NAIK, ANGKA TURUN SENTIASA,
TETAPI DI CELAH SIBUK MANUSIA,
ILMU TETAP HARTA PALING BERHARGA.

EMAS BERKILAU DI TANGAN MANUSIA,
NAMUN PUDAR BILA TIADA MINDA,
ILMU MEMIMPIN LANGKAH BERJAYA,
MENGURUS WANG, MERANCANG MASA.

WANG ITU KEPERLUAN DUNIA,
ILMU ITU KEKUATAN JIWA,
GABUNGAN KEDUANYA DALAM RASA,
AGAR HIDUP TIDAK MUDAH LEKA.

KERANA WANG DATANG DAN PERGI,
NAMUN ILMU KEKAL ABADI,
IA TIDAK LUSUH DIMAKAN HARI,
MENJADI HARTA SEPANJANG DIRI.

KARYA:

JHON FRANCIS NARSISIUS

DIPLOMA KEWANGAN DAN PERBANKAN





**POLITEKNIK METRO BETONG
SARAWAK 1-12, FASA 2, BANDAR
BARU BETONG, JALAN BARU BETONG,
95700, BETONG, SARAWAK**



[HTTPS://WWW.PMBS.EDU.MY/V3/](https://www.pmbs.edu.my/v3/)



[HTTPS://WWW.FACEBOOK.COM/PMBSEDU](https://www.facebook.com/PMBSEDU)
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR MPP PMBS



ADMINPMBS@PMBS.EDU.MY
MPPPMBS@GMAIL.COM.MY



POLITEKNIKMETROBETONG 083-472676



083-472991



MPP PMBS



OFFICIALMPPPMBS



MPPPMBS_OFFICIAL

eISSN 2948-4669



9 7 7 2 9 4 8 4 6 6 0 0 2